



26 MAY, 2025

Kerajaan galak PBT pasang Solar PV alih tenaga bersih

Harian Metro, Malaysia



Kerajaan galak PBT pasang Solar PV alih tenaga bersih

Kuala Terengganu: Kerajaan membuka ruang kepada semua pihak khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam mengadaptasi penggunaan sistem Solar Fotovoltaik (Solar PV) dalam usaha peralihan kepada tenaga bersih.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, menerusi pemasangan sistem Solar PV di premis masing-masing, ia antara dapat menjimatkan penggunaan elektrik, sekali gus menjana tenaga baharu serta mengurangkan pelepasan karbon di udara.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) berkata, usaha berkenaan, dapat dilihat menerusi inisiatif dilaksanakan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dengan pemasangan sistem Solar PV di tempat letak kenderaan serta bumbung di Menara MBKT.

"Sistem Solar PV di MBKT ini yang terbesar dipasang di bangunan milik pihak berkuasa tempatan (PBT), melalui program *Net Energy Metering* (NEM 3.0) di bawah kategori NEM GoMEN yang diluluskan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia, pada 16 Disember 2021.

"Ia sudah beroperasi bermula pada 2 Januari 2024 dan pemasangan ini dianggarkan dapat menjana sebanyak 1,147 MWj (megawatt-jam) bekalan elektrik hijau setahun dengan anggaran penjimatan bil elektrik sebanyak 11 peratus atau lebih



TIMBALAN Perdana Menteri yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) Datuk Seri Fadillah Yusof (tengah) melihat Sistem Solar PV di bumbung dan ruang tempat letak kenderaan di Menara Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ketika mengadakan lawatan kerja ke sana sempena Program Petra Skwad Zon Timur ke Kelantan dan Terengganu, semalam.

RM200,000 setahun," katanya selepas meninjau pemasangan sistem Solar PV di Menara MBKT semalam sempena Jelajah Petra Skwad Zon Timur, yang berlangsung selama

dua hari di Kelantan dan Terengganu.

Dalam pada itu, Fadillah berkata, jelajah Petra Skwad diteruskan ke Loji Solar Berskala Besar (LSS) Coara Marang untuk me-

ninjau secara langsung pengoperasiannya, yang dilaksanakan di bawah inisiatif kerajaan melalui program LSS3.

"Kapasiti tenaga yang dijana daripada loji ini di-

anggarkan mencukupi untuk membekalkan elektrik kepada lebih 10,000 isi rumah setiap hari dan ia antara loji solar termaju dari segi teknologi dan kecekapan," katanya.